



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (II)**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN RUMAH BINA NEGARA (RBN) PERINGKAT NEGERI
KELANTAN 2017**

**TEMPAT : KG.LEPAN KANDIS, PULAI CHONDONG,
MACHANG, KELANTAN**

TARIKH : 18 MAC 2017 (SABTU)

MASA : 3.00 PETANG

Salutasi

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. YBhg.Tn.Hj.Sopian bin Abu Bakar
Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
mewakili Ketua Pengarah RISDA**
- 3. YBrs. En.Rusly bin Yaacob
Pengarah RISDA Negeri Kelantan**
- 4. Ybhg. Pengarah - Pengarah Bahagian Ibu Pejabat RISDA**
- 5. Ketua – Ketua Agensi KKLW Negeri Kelantan**
- 6. Pegawai - Pegawai Kanan RISDA Negeri Kelantan, Pegawai - Pegawai RISDA Jajahan**
- 7. Pegawai - Pegawai Seranta/ Pemaju - Pemaju Masyarakat RISDA Negeri Kelantan**
- 8. Rakan – rakan Media**
- 9. Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang dikasih sekalian**

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Kampung Lapan Kandis, Pulai Chondong, Machang, Kelantan ini bagi sama-sama menjayakan Pelancaran Rumah Bina Negara Peringkat Kelantan 2017. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak RISDA kerana telah berusaha memastikan Pelancaran RBN Peringkat Kelantan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
2. Seperti mana yang kita semua maklum, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan semua agensi akan meneruskan inisiatif Transformasi Luar Bandar “Membandarkan Luar Bandar” pada tahun ini dengan lebih memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program ***touch points*** yang bersifat **Rakyat Centric** yang mana boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat. Program sebegini juga akan dapat memastikan masyarakat luar bandar memperoleh manfaat menyeluruh

samada dari segi prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Impak pelaksanaan program-program ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan sekaligus menggalakkan generasi muda untuk terus kekal menetap dan membina masa depan di luar bandar.

3. Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat tentang pemilikan rumah mampu milik. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf pemilikan ekuiti dan kedudukan ekonomi orang melayu serta bumiputera di negara ini. Justeru itu, KKLW telah melahirkan inisiatif menerusi Transformasi Luar Bandar dengan memberikan fokus kepada Pembangunan Belia Luar Bandar iaitu mewujudkan perumahan generasi kedua luar bandar atau dikenali dengan Rumah Bina Negara (RBN). RBN merupakan program perumahan mampu milik kepada golongan belia di kawasan luar bandar khususnya generasi kedua di bawah Kementerian ini yang dilaksanakan oleh agensi seperti RISDA dan FELCRA.

Hadirin sekalian,

4. Menerusi Program RBN ini KKLW menawarkan seunit rumah berharga RM65,000. Kerajaan turut menyediakan insentif sebanyak RM20,000 setiap unit rumah kepada generasi kedua luar bandar yang layak menjadikan jumlah pinjaman atau baki yang perlu dilunaskan adalah sebanyak RM45,000. Angka bayaran bulanan ini adalah merupakan satu angka yang mampu milik dimana berdasarkan kepada situasi semasa dimana ada juga diantara generasi kedua yang menyewa dengan kadar sewaan sebanyak RM250 sebulan dengan fasiliti yang agak kurang selesa. Namun, RBN yang dibina cukup selesa dengan keluasan 700 kaki per segi, 3 buah bilik, 2 buah bilik air termasuk kelengkapan asas seperti lampu, kipas dan juga bekalan air.

Hadirin sekalian,

5. Inisiatif daripada Transformasi Luar Bandar ini adalah bertujuan tidak lain tidak bukan sebagai dorongan untuk memastikan golongan belia meneruskan agenda pembangunan luar bandar, mengelakkan pengaliran tenaga kerja dan kepakaran golongan belia ke bandar, meningkatkan kualiti hidup kumpulan B40 di kawasan luar bandar serta memacu kepesatan pembangunan kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, sejumlah 5,000 unit rumah generasi kedua luar bandar akan dibina sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sebelas (2016 - 2020) oleh RISDA dan FELCRA Berhad. Sasaran ini bergantung kepada permohonan generasi kedua luar bandar. Saya juga berharap rakyat khususnya generasi kedua luar bandar harus merebut peluang ini untuk memiliki rumah sendiri dengan mampu milik kerana Kerajaan bersungguh - sungguh membantu rakyat untuk memiliki rumah sendiri dengan menawarkan insentif sebanyak RM 20,000 bagi setiap RBN.

6. Pada hari yang bertuah ini, suka saya umumkan bahawa dua (2) orang peserta bakal menerima replika kunci RBN bagi Parlimen Machang, Kelantan sebagai simbolik kepada penyerahan bagi RBN

yang telah siap dibina setakat ini. Manakala, 18 orang peserta dari Parlimen Machang, Kelantan bakal menerima surat kelulusan RBN pada hari ini menjadikan kesemua 20 orang peserta menikmati RBN yang telah disediakan oleh Kerajaan. Tahniah diucapkan kepada penerima - penerima.

7. Semoga dengan Pelancaran RBN ini akan meningkatkan lagi semangat masyarakat luar bandar untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melihat kegiatan ekonomi dapat dipacu oleh masyarakat luar bandar khususnya Generasi Kedua Pekebun Kecil RISDA. Sebagai rakyat malaysia, seharusnya yakin usaha Kerajaan ini adalah untuk kebaikan kita semua pada masa hadapan untuk meningkatkan taraf pemilikan ekuiti Bumiputera supaya seiring dengan pembangunan semasa.

8. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada RISDA atas kejayaan pelancaran RBN Peringkat Kelantan 2017 ini. **Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan**

Majlis Pelancaran Program Rumah Bina Negara (RBN) Peringkat Negeri Kelantan 2017.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Terima kasih.